

SIMBOL ALAM SEBAGAI REPRESENTASI MAQAM MA'RIFAH DALAM ANTOLOGI 'AYN KARYA KEMALA: ANALISIS TERJEMAHAN DAN SUFISTIK

Aishah binti Isahak

Sulhah Ramli

Wan Azura Wan Ahmad

Abstrak

Karya Sufi dikenali sebagai sebuah karya yang sarat dengan kepelbagaian simbol sebagai representasi *maqamat* Sufi. Namun, didapati bahawa perbincangan tentang puisi Moden di Malaysia masih kurang menyentuh tentang simbol dan maqamat Sufi ini. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji simbol alam sebagai representasi maqam *ma'rifah* dalam antologi puisi 'Ayn karya Kemala. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti simbol alam sebagai representasi maqam *ma'rifah*, kemudian menganalisis proses penterjemahan simbol tersebut ke bahasa Arab dari segi pemindahan makna dan nuansa *ma'rifah*, seterusnya menyingkap implikasi proses penterjemahan terhadap elemen maqam *ma'rifah* dalam teks sasaran. Bagi mendapatkan data, Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasi kaedah analisis teks. Kajian memilih antologi puisi 'Ayn sebagai data primer, seterusnya menjalankan analisis deskriptif-analitik terhadap elemen maqam *ma'rifah* yang dikemukakan dalam antologi tersebut bagi menelusuri makna literal dan kontekstual. Kajian menganalisis puisi ini dalam dua bahasa, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa sumber (BSU) dan bahasa Arab sebagai bahasa sasaran (BSA). Melalui analisis terhadap beberapa puisi pilihan, dapatan kajian menunjukkan bahawa penyair menggunakan simbol alam seperti angin, sungai, air, gurun, taman dan gemulung laut sebagai representasi maqam *ma'rifah*. Walaupun terjemahan bahasa Arab berjaya menyampaikan makna umum puisi, namun terdapat kehilangan nuansa retorik seperti metafora, simbolisme, dan kedalaman gambaran pengalaman sufistik yang menjadi teras kepada maqam *ma'rifah*. Ini menunjukkan bahawa penterjemahan puisi sufistik bukan sahaja memerlukan kecekapan linguistik, tetapi juga pemahaman mendalam terhadap falsafah dan pengalaman tasawuf dari kaca mata seorang *salik*. Kepentingan kajian terletak pada sumbangannya dalam memperkaya kritikan sastera Melayu dari perspektif sufisme dan terjemahan, serta membantu pelestarian nilai spiritual dalam karya sastera Melayu-Islam.

Kata kunci: Simbol alam, maqam Ma'rifah, antologi 'Ayn, Kemala, Penterjemahan, Puisi Sufi

PENDAHULUAN

Antologi puisi 'Ayn oleh Kemala sering dikaitkan dengan penghayatan sufistik, terutamanya dari segi penggunaan simbol-simbol mistik, perjalanan rohani dan ekspresi cinta Ilahi. Menurut Badrul Munir (2021), puisi Kemala mengandungi nilai sufisme yang diposisikan sebagai tujuan pencarian daripada perjalanan hidup manusia. Di samping itu, puisi Kemala juga menggambarkan hamba sebagai seorang *salik*, iaitu pengembara yang mencari Tuhannya, seterusnya Badrul Munir menambah bahawa kemala juga ada mengemukakan elemen perenungan akan hakikat kehidupan manusia.

Jika dilihat dalam tradisi Sufi, *maqamat* bukan sekadar simbol atau teori, tetapi merupakan landasan praktikal dan falsafah dalam mendekati diri kepada Allah. Mas'ud Qasim (2023) berpendapat bahawa *maqamat* merupakan pangkalan asas dalam manifestasi Sufi dan perjalanannya. Manakala al-Tusi (1960) pula menekankan bahawa seorang hamba tidak akan mencapai hakikat tauhid dan kesucian rohani tanpa terlebih dahulu menyeberangi jambatan *maqamat* dan *ahwal*. Yaser al-Betanuni (2023) menambah bahawa *maqamat* bukan hanya jalan spiritual untuk mengenal Allah, tetapi juga berfungsi sebagai tangga kerohanian yang membantu *salik* mencapai fana' iaitu satu keadaan peleburan diri hamba ke dalam Zat keesaan Allah.

Antara *maqamat* tersebut ialah maqam ma'rifah yang menjadi permulaan untuk mengenali hakikat diri sebelum berdamping dengan Penciptanya. Menurut imam al-Ghazali (2006) ma'rifah ini merujuk kepada tahap pencapaian rohaniah di mana seorang *salik* mula mengenali hakikat diri dan Tuhan secara langsung melalui ilham batin dan pencerapan metafizikal. Tambahan pula, Imam al-Ghazali (2006) meletakkan 'aqabah ilmu sebagai tangga pertama dalam perjalanan Sufi, dan maqam ini dicirikan dengan unsur seperti ilmu pengetahuan, petunjuk (hidayah), dan nasihat.

Dalam antologi 'Ayn, elemen ma'rifah merupakan antara elemen yang paling menonjol berbanding maqam yang lain seperti zuhud, taubat, syukur dan fana'. Maqam ma'rifah ini disampaikan oleh Kemala melalui gambaran kesedaran tentang kelemahan diri serta keinsafan tentang kebesaran Tuhan. Namun, apabila puisi tersebut diterjemahkan ke bahasa Arab, berlaku cabaran besar untuk mempertahankan kedalaman falsafah ma'rifah melihat kepada perbezaan nuansa retorik, simbolisme, dan kedalaman gambaran pengalaman sufistik.

Di samping itu, makna maqam ini dapat diketahui melalui penggunaan simbol yang dipilih oleh penyair. Simbol berfungsi sebagai kunci untuk menyingkap makna *maqamat* yang tersirat di sebalik susunan puisi yang dinukilkan. Menurut Aishah et al. (2024), puisi Sufi umumnya sarat

dengan pelbagai simbol yang bertujuan untuk menggambarkan makna yang mendalam dan sukar difahami oleh pembaca awam. Di antara simbol yang dominan dalam puisi Melayu ialah simbol alam seperti laut, sungai, bunga dan sebagainya. Aishah et al. (2023) menambah bahawa simbol-simbol ini menjadi wahana penting bagi memperkenalkan konsep-konsep kerohanian yang abstrak dan kompleks kepada para pembaca.


Bertitik tolak daripada itu, kajian ini akan mengkaji simbol alam sebagai representasi maqam *ma'rifah* dalam antologi 'ayn karya Kemala. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti simbol alam sebagai representasi maqam *ma'rifah* dalam antologi puisi pilihan. Kemudian menganalisis proses penterjemahan simbol tersebut ke dalam bahasa Arab, dari segi pemindahan makna dan nuansa *ma'rifah*. Seterusnya menyingkap kesan proses penterjemahan terhadap elemen maqam *ma'rifah* dalam teks sasaran.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasi kaedah analisis teks. Korpus kajian yang dipilih adalah elemen sufi berkaitan maqam *ma'rifah* dalam puisi 'Ayn, karya sasterawan negara Kemala, yang ditulis dalam bahasa Melayu, sebagai bahasa sumber (BSU), dan terjemahannya dalam bahasa Arab sebagai bahasa sasaran (BSA). Dengan memilih puisi ini sebagai korpus, kajian menjalankan analisis deskriptif-analitik terhadap elemen sufi terpilih bagi menyelusuri makna tekstual dan kontekstual yang terkandung dalam makna elemen tersebut.

Lima data berkaitan maqam *ma'rifah* dipilih secara rawak daripada korpus kajian untuk mengupas persoalan yang diketengahkan dalam kajian. Data ini dianalisis secara tekstual dan kontekstual bagi merungkai implikasi proses penterjemahan terhadap makna elemen maqam ini dalam teks sasaran (TSA).

Berikut adalah prosedur yang dijalankan dalam kajian ini:



Rajah 1 Prosedur Kajian

Rajah 1 menunjukkan prosedur yang dijalankan oleh kajian ini dalam menganalisis korpus yang terdiri daripada elemen sufi berkaitan maqam ma'rifah. Maqam ini adalah salah satu elemen sufi yang diperkenalkan oleh Imam al-Ghazali dalam karyanya Minhaj al-Abidin. Data primer kajian diambil daripada TSU dalam bahasa Melayu dan padanannya daripada TSA dalam bahasa Arab. Adalah data sekundernya.

Dalam proses penganalisan makna, kajian mengaplikasi prosedur analisis komponen makna (*Componential Analysis Procedure "CAP"*) yang dibangunkan oleh Sulhah Ramli (2024). Korpus dianalisis secara tekstual dalam dengan diselusuri maknanya dalam laman sesawang kamus bahasa Melayu (BSU) dalam talian, prpm: <https://prpm.dbp.gov.my>, dan laman sesawang kamus bahasa Arab (BSA) dalam talian, almaany: <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/>. Korpus yang dipilih terdiri daripada dua jenis unit bahasa iaitu, perkataan (kata nama/kata kerja) dan frasa (kata nama/kata kerja).

Selepas dikupas makna tekstual, korpus terpilih dianalisis maknanya dari sudut kontekstual bagi menyingkap nuansa budaya yang melatarinya. Dalam proses analisis ini, kajian membincangkan makna elemen maqam ma'rifah dalam bahasa Arab bagi melihat kesesuaian terjemahannya dalam bahasa Arab, sama ada mencapai maksud seperti yang dikehendaki dalam bahasa Melayu.

Melalui perbincangan dalam analisis kontekstual, kajian dapat memperhalusi makna dalam TSA dengan mengenal pasti nuansa budaya yang melatari makna tersebut dan menilai kesepadannya dengan TSU. Seterusnya, kajian dapat menyingkap implikasi makna yang dibekalkan dalam TSA sama ada mencapai tahap makna yang setara dengan makna dalam TSU.

Dengan terungkainya implikasi tersebut, maka kesepadanan makna elemen sufi; maqam ma'rifah, dapat diperkatakan sebagai setara atau sejadi.

Analisis dan Perbincangan

Terdapat beberapa sampel puisi dalam antologi 'Ayn yang mengandungi elemen maqam Ma'rifah. Melalui maqam ini, penyair ingin menggambarkan kepentingan menyingkap ilmu Aqidah untuk mengenali Sang Pencipta Yang Esa. Menurut Isabela et al. (2025), al-Ghazali meletakkan ma'rifah sebagai tujuan utama yang harus dicapai oleh manusia. Dalam pengembaraan rohani, mengenal Allah Yang Maha Pencipta dengan mendalam akan membawa ahli Sufi ke maqam seterusnya yang lebih tinggi, justeru ia adalah proses untuk berdamping dengan / *taqarub* kepada Allah SWT, dan akhirnya mencapai ketenangan dan kebahagiaan hakiki.

Antara simbol alam yang menjadi representasi maqam ini adalah angin, contohnya dalam petikan berikut (Kemala, 'Ayn, 11): -

Data 1- Simbol Angin

Jadual 1: Terjemahan simbol angin

TSU	TSA
<p><i>Berkata kepada angin duka ini dari mana? adakah umur suatu alur simpang-siur mujur ingin ku menjadi camar putih memagut serangga atau cebisan roti. Ah, pagutannya asyik sekali. (Kemala, 2014, hlmn. 11)</i></p>	<p>يقول للرياح من أين أتى هذا الحزن؟ هل العمر طريق واحد ملتو محظوظ؟ أود أن أكون نورساً أبيض ألتقط الحشرات وفتات الخبز عاكف على الطعام.</p>

Jadual 1 menunjukkan terjemahan simbol angin dalam bahasa Arab, yang menggambarkan makna suara hati atau bisikan. Menurut Aishah et al. (2024), angin dalam karya Sufi bukan sekadar fenomena alam, tetapi berfungsi sebagai simbol yang pelbagai untuk menggambarkan proses

pencarian rohani, dialog dengan alam dan diri, serta pengenalan kepada hakikat Ilahi melalui kesatuan anasir alam dan diri manusia.

Manakala simbol camar putih pula melambangkan keinginan untuk kesucian, kebebasan, dan kepuasan rohani yang mendalam. Penyair menggunakan ungkapan "*pagutannya asyik sekali*" untuk menunjukkan makna kenikmatan dalam mengecapi nikmat kurniaan Ilahi.

Dari sudut terjemahan, makna yang dibekalkan dalam bahasa Arab melalui padanan ثورس dapat mempamerkan makna simbol secara jelas. Pun begitu, Gambaran camar yang cuba disampaikan oleh penyair tidak mencapai tahap optimum dalam bahasa Arab. Hal ini kerana impak emosi yang digunakan dalam bahasa Arab tidak mewakili kesepadanan yang setara sehingga menghilangkan nada penyair. Seperti yang dapat dilihat dalam ungkapan ini: "*Ah, pagutannya asyik sekali*", ia tidak dipindahkan ke dalam bahasa Arab. Sebaliknya, ia digugurkan dan makna ungkapan dipindahkan secara modulasi dengan menggunakan perkataan lain seperti dalam ungkapan berikut: عاكف على الطعام.

Dalam konteks terjemahan, penterjemah menggunakan konsep *metafora* dalam menggambarkan camar, meskipun penyair tidak menggunakan gaya estetika ini. Namun, terjemahan yang digunakannya tidak mengimplikasikan makna yang setara dalam bahasa Arab. Perkataan "ah" secara literal dalam Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) membawa makna "suara kata untuk menyatakan kehairanan, keluhan, runsing juga tidak setuju". Dalam konteks teks sumber, "ah" yang dimaksudkan adalah kehairanan, namun maknanya tidak dizahirkan dalam bahasa sasar secara langsung atau sebaliknya. Hal ini mengakibatkan impak makna yang cuba disampaikan penyair tidak dapat dirasai oleh pembaca, justeru berlaku pengguguran makna dalam teks sasaran.

Data 2- Simbol sungai

Jadual 2: Terjemahan simbol sungai

TSU	TSA
<p><i>Ya, sejak kapan kau mengalir <u>sungai</u> dan <u>hulumu</u> dari gunung apa singgahlah sang penyair jamahi senja redup (Kemala, 2014, hlmn.20)</i></p>	<p>نعم، منذ متى تجري أيها النهر؟ ومن أي جبل تنبع؟ عرج أيها الشاعر والمس ظلال الغروب</p>

Jadual 2 menerangkan terjemahan simbol sungai dalam bahasa Arab, yang membawa makna perjalanan hidup dan pencarian asal usul. Persoalan penyair dalam ungkapan: "*sejak kapan kau mengalir sungai dan hulumu dari gunung apa*", mencerminkan pencarian spiritual terhadap sumber atau permulaan segala sesuatu, termasuk diri dan kewujudan. Ini bertepatan dengan kajian Mesbahul Hoque et.al. (2021), bahawa maqam *ma'rifah* adalah hasil daripada hati yang bersih dan mujahadah yang berterusan, umpama sungai yang tetap mengalir jernih walau pelbagai rintangan yang menghalanginya.

Dari sudut terjemahan, simbol sungai diterjemahkan kepada **النهر** yang merupakan padanannya dalam bahasa Arab. Namun, gambaran yang disampaikan oleh penyair dalam ungkapan: "*hulumu dari gunung apa*" tidak dipindahkan secara langsung ke dalam bahasa Arab. Hulu adalah kata nama dalam bahasa Melayu yang bermaksud "pangkal atau permulaan" (Pusat Rujukan Persuratan Melayu-PRPM). Oleh kerana perkataan ini tiada padanannya dalam bahasa Arab, maka ia diterjemahkan secara modulasi kepada "تنبع", iaitu kata kerja dalam bahasa Arab. Jika dirujuk al-Ma'ani, perkataan ini bermaksud "خرج من", iaitu keluar daripada/dari, yang merujuk kepada tempat permulaan sesuatu. Dalam fenomena bahasa ini, terdapat persamaan sifat antara perkataan "hulu" dan "تنبع", iaitu tempat bermula sesuatu, meskipun perkataan yang digunakan dalam bahasa Arab bukan padanan setara. Namun, makna gambaran adalah setara dalam teks sasaran.

Gambaran simbol sungai dalam puisi menunjukkan kebijakan penyair. Dengan menggunakan pendekatan *metafora* dalam konteks balaghah, penyair mengaitkan sungai dengan makna kehidupan insan yang penuh berliku, namun perlu terus berjuang persis sifat air sungai yang terus mengalir. Dalam konteks terjemahan, makna gambaran sungai dalam konsep *metafora* tidak dipindahkan secara langsung, justeru penterjemah menggunakan prosedur modulasi. Dengan memberikan gambaran yang lain bagi simbol sungai dalam bahasa sasaran, tetapi masih mengekalkan makna dan impak emosi yang setara.

Data 3- Simbol air dan gurun

Jadual 3: terjemahan simbol air dan gurun

TSU	TSA
<i>cucur, cucuri</i>	اسكب، اسكبي
<i><u>Air murni Islami</u></i>	ماء الإسلام الصافي
<i>di <u>gurun-gurun</u></i>	بصحارى

Hati

Di sini

Satu selalu

Jihad

Mengenal Diri!

(Kemala, 2014, hlmn. 40)

القلوب
هنا
واحد دائم
الجهاد
!معرفة النفس

Jadual 3 menjelaskan terjemahan air dan gurun dalam Antologi A'yn. Penyair mengetengahkan elemen maqam ma'rifah seperti ungkapan "*Air murni Islami di gurun-gurun hati*". Simbol air menggambarkan bimbingan dan kesucian Ilahi yang menyuburkan hati yang tandus, membawa kesedaran rohani. Ini merujuk kepada sumber ilmu dan petunjuk keagamaan yang suci lagi murni. yang secara tidak langsung membawa kepada pengenalan Penciptanya.

Air merupakan simbol penting yang menggambarkan sumber kehidupan, kesuburan dan pertumbuhan. Seperti pohon yang hanya dapat bertahan dan berakar kukuh dengan bekalan air, demikian juga iman menjadi asas yang meneguhkan hati manusia. Tanpa iman, manusia akan rapuh dan mudah goyah; sebaliknya, dengan iman, kehidupan rohani akan segar dan terpelihara

Menurut Aishah et al. (2024) simbol gurun menggambarkan keadaan hati yang gersang dan tandus daripada cahaya petunjuk. Hati yang kering dan kosong memerlukan 'air iman' untuk kembali hidup, subur, dan sejahtera. Dalam konteks maqam *ma'rifah*, air menandakan pencerahan Ilahi yang menghidupkan jiwa, manakala gurun menggambarkan cabaran rohani yang perlu diatasi dengan keteguhan iman.

Ungkapan yang digunakan oleh penyair, seperti "Air murni Islami di gurun-gurun hati" (اسكب ماء الإسلام الصافي بصحاري القلوب), melambangkan keperluan manusia akan kesucian spiritual. Simbol ini menyerlahkan maqam ma'rifah, iaitu kesedaran dan pengenalan terhadap diri serta Tuhannya. Pilihan kata seperti "air murni" menegaskan elemen ketulenan iman, manakala imej "gurun hati" menimbulkan gambaran kegersangan batin yang menunggu curahan hidayah.

Dalam terjemahan, pemindahan imej "air" dan "gurun" dikekalkan untuk memastikan simbolisme asal tidak hilang. Penterjemah menggunakan prosedur kesepadanan justeru keduanya ada dalam

bahasa Arab, iaitu ماء dan صحارى bagi mengekalkan nuansa metafora sumber. Manakala terjemahan bagi gambaran dua simbol ini; meskipun dilakukan secara literal sahaja, namun ia dapat mencapai makna yang setara. Gaya estetika metafora yang dipindahkan secara literal ke dalam bahasa Melayu, tidak menjejaskan kefahaman makna yang setara. Maka, ia makna rohaninya dapat dihayati, sekali gus difahami bahawa air bukan sekadar unsur fizikal, tetapi lambang bimbingan Ilahi.

Dari sudut implikasi, penterjemahan imej air dan gurun menunjukkan bahawa pendekatan literal tidak mencukupi dalam menterjemah teks sufi. Simbol-simbol perlu ditafsirkan secara hermeneutik agar mesej maqam ma'rifah dapat difahami dengan tepat. Hal ini menegaskan peranan penterjemah bukan hanya sebagai pemindah bahasa, tetapi juga sebagai pengantara makna rohani. Kejayaan penterjemahan ini memberi implikasi bahawa teks sufistik menuntut kesetiaan pada simbol sambil mengekalkan dimensi spiritual agar pembaca tidak kehilangan intipati kesedaran Ilahi yang diangkat oleh penyair.

Data 4- Simbol Taman

Jadual 4: terjemahan simbol taman

TSU	TSA
<p><i>Taman hewani</i> <i>di manakah kau diri?</i> <i>Taman diri</i> <i>di manakah kau insani?</i> <i>(Kemala, 'Ayn, 31)</i></p>	<p>في حديقة الحيوان أين أنت يا نفسي؟ في حديقة النفس أين أنت يا إنساني؟</p>

Di samping simbol angin, sungai dan pohon, penyair juga menggunakan simbol taman dengan membahagikannya kepada dua iaitu: taman haiwani dan taman diri. Hakikatnya taman ini mewakili hati hamba yang secara fitrah adalah indah kerana ia adalah sanubari yang suci. Namun, penyair menggambarkan taman dengan sifat haiwan justeru ia berbolak balik. Dalam sekejapan ia berubah. Menurut Aishah et al. (2024), simbol taman adalah simbolik bagi hati yang merindui Penciptanya, namun oleh kerana noda, "taman" ini berubah menjadi gersang dan kering kontang. Oleh itu, taman diri adalah ruang batin yang perlu dipelihara dan dijaga agar selamat seluruh

anggota badannya dari noda.

Petikan puisi ini bertepatan dengan pendapat Imam al-Ghazali (2006) tentang peri pentingnya seorang hamba itu bermujahadah menggali ilmu yang benar dan mengamalkannya dengan betul. Ini adalah kerana, dengan ilmu tersebut, seorang salik itu akan dapat mengenali "taman hatinya", seterusnya dapat mengenali Penciptanya Yang Maha Agung, serta menjauhi sifat haiwani.

Jadual 4 memaparkan terjemahan simbol taman dalam Antologi 'Ayn yang diterjemahkan kepada "حديقة". Penyair membahagikan simbol taman kepada dua: taman hewani dan taman diri. Simbol ini sebenarnya melambangkan keadaan hati manusia yang berbolak-balik antara kebaikan dan keburukan. Hati secara fitrah adalah indah dan suci, namun ia boleh dicemari oleh sifat-sifat haiwani, menjadikannya kering dan gersang.

Dalam konteks sufisme, simbol taman menggambarkan ruang batin yang perlu dipelihara. Taman diri merujuk kepada hati yang tenteram apabila dipenuhi iman dan zikrullah, manakala taman hewani melambangkan kecenderungan hati yang dipengaruhi hawa nafsu. Menurut Aishah et al. (2024), simbol taman merupakan lambang kerinduan hati terhadap Pencipta, tetapi apabila ia diselubungi noda, taman itu bertukar menjadi gersang dan tidak subur. Oleh itu, taman diri adalah lambang hati yang sepatutnya dipelihara dengan mujahadah dan zikrullah agar tetap subur dengan iman.

Dalam teks terjemahan, perkataan taman dipadankan dengan حديقة, iaitu terjemahan langsung yang wujud dalam kedua-dua budaya. Strategi ini berasaskan kesepadanan leksikal kerana simbol taman memang wujud dalam tradisi Arab dan Melayu sebagai lambang keindahan dan kesuburan. Namun, terdapat sedikit perbezaan dari segi nuansa: frasa taman hewani dalam bahasa Melayu menekankan sifat liar dan naluri kebinatangan, manakala dalam terjemahan Arab حديقة الحيوان lebih membawa konotasi literal sebagai "zoo" atau "taman haiwan". Hal ini berpotensi mengurangkan makna simbolik asal yang cuba ditegaskan oleh penyair, iaitu sifat hati yang dipengaruhi hawa nafsu.

Sebaliknya, frasa taman diri yang diterjemahkan kepada حديقة النفس lebih mendekati makna asal. Ia mengekalkan nuansa sufistik dengan merujuk kepada "taman jiwa" atau "ruang batin", yang menegaskan aspek kerohanian dalam maqam ma'rifah.

Terjemahan simbol taman memperlihatkan cabaran dalam memindahkan makna batiniah teks sufistik. Walaupun padanan literal berjaya mengekalkan bentuk simbol, namun aspek konotasi boleh berubah. Contohnya, حديقة الحيوان mungkin mengalih perhatian pembaca Arab kepada makna

denotatif (zoo), dan bukannya simbolik (hati yang liar atau dipengaruhi nafsu). Ini menunjukkan bahawa penterjemah perlu mempertimbangkan konteks hermeneutik agar makna sufistik tidak hilang.

Implikasinya, penterjemahan teks sufi bukan hanya soal kesepadanan bahasa, tetapi juga pemindahan simbol dan makna rohani. Dengan itu, penterjemah berperanan sebagai penafsir (mufassir) yang mengekalkan kedalaman makna, bukan sekadar pemindahan kata. Dalam konteks maqam ma'rifah, terjemahan yang tepat dapat membantu pembaca memahami perjalanan hati iaitu antara sifat haiwani yang menyesatkan dengan sifat insani yang mendekatkan diri kepada Allah.

Data 5- Simbol gemulung

Jadual 5: terjemahan simbol gemulung

TSU	TSA
<p><i>Gemulung laut</i> <i>teluk menaut</i> <i>mabuk musim</i> <i>ke tujuh.</i> <i>(Kemala, 'Ayn, 31)</i></p>	<p>موجات البحر تلطم الخليج سكران الموسم إلى السابع.</p>

Secara literal, "gemulung laut" merujuk kepada ombak laut yang berputar dan bergerak, manakala frasa seterusnya "teluk menaut" mungkin merujuk kepada teluk-teluk yang saling bersambung atau terhubung (Pusat Rujukan Persuratan Melayu-PRPM). Oleh itu, "*gemulung laut, teluk menaut, mabuk musim ke tujuh*" boleh ditafsirkan sebagai gambaran pengalaman hidup dan cabaran yang dilalui dalam perjalanan rohani, di mana segala aspek alam dan waktu menjadi saksi dan petunjuk kepada kewujudan serta kebesaran Tuhan, membawa kepada kesedaran dan pengenalan (*makrifat*) kepada-Nya.

Jadual 5 memaparkan terjemahan simbol gemulung yang digunakan oleh penyair bagi menggambarkan sifat hidup yang sentiasa berbolak-balik, penuh dengan cabaran dan perubahan. Secara literal, gemulung laut merujuk kepada ombak laut yang berputar, beralun, dan menghentam pantai (Pusat Rujukan Persuratan Melayu-PRPM). Penyair mengaitkan imej ini dengan kehidupan manusia yang tidak pernah sunyi daripada ujian, di mana senang dan susah datang silih berganti.

Dalam konteks sufisme, simbol gemulung merujuk kepada perjalanan rohani seorang salik yang sentiasa diuji Allah untuk menapis keikhlasan hati dan kekuatan iman. Frasa mabuk musim ke tujuh melambangkan perjalanan panjang yang penuh liku, seolah-olah tujuh musim adalah simbol bagi tempoh masa yang mencabar sehingga jiwa “mabuk” dengan dugaan. Hal ini menekankan bahawa perjalanan menuju maqam ma’rifah bukanlah jalan yang mudah, tetapi sarat dengan gemulung cabaran untuk memurnikan jiwa.

Dalam terjemahan, perkataan gemulung dipadankan kepada موجات, iaitu bentuk jamak bagi موج (ombak). Pilihan ini bertepatan dengan makna literal kerana kedua-dua bahasa mengenali fenomena laut yang berombak. Namun, nuansa simbolik asal yang kuat dalam perkataan gemulung yakni konotasi “pergerakan yang kuat, berpusar, dan mendebarkan”, sedikit berkurang apabila diterjemahkan kepada موجات yang sekadar bermaksud “gelombang” atau “ombak-ombak”.

Selain itu, frasa teluk menaut diterjemahkan kepada تلطم الخليج (teluk menghentam). Terjemahan ini agak menyimpang daripada maksud asal kerana menaut dalam bahasa Melayu membawa maksud “berhubung atau bersambung”, manakala تلطم lebih menekankan tindakan menghentam atau memukul. Oleh itu, berlaku pergeseran makna yang boleh mengubah penekanan simbolik teks asal.

Penterjemahan simbol gemulung menegaskan cabaran besar dalam menterjemah teks sufi yang sarat dengan metafora kompleks. Walaupun aspek literal berjaya dikekalkan melalui perkataan موجات, namun nuansa metafora yang menggambarkan kegelisahan dan ujian hidup tidak sepenuhnya terakam dalam teks sasaran. Pergeseran makna pada frasa teluk menaut kepada تلطم الخليج juga berisiko menjejaskan makna asal yang ingin disampaikan penyair.

Implikasinya, penterjemah perlu lebih berhati-hati dengan pemilihan padanan agar makna sufistik dapat dikekalkan. Simbol gemulung dalam teks sumber bukan sekadar fenomena alam, tetapi lambang kepada perjalanan spiritual yang penuh dengan cabaran. Jika diterjemah secara literal semata-mata, pembaca mungkin hanya melihat aspek fizikal ombak, sedangkan maksud tersirat tentang ujian hidup menuju pengenalan Tuhan (maqam ma’rifah) boleh terabai. Oleh itu, strategi terjemahan hermeneutik atau penyesuaian metafora lebih sesuai agar makna rohani teks sufi dapat disampaikan dengan lebih tepat kepada pembaca bahasa sasaran.

Daripada sampel puisi pilihan yang dikaji, didapati bahawa simbol-simbol ini secara kolektif menyoroti perjalanan salik yang sedang mencari kebenaran, pemurnian diri, dan pengenalan akan kesatuan Ilahi dalam penciptaan, yang semuanya merupakan elemen penting dalam memahami

maqam ma'rifah.

Dapatan Kajian

Dari data-data kajian sebelum ini, didapati bahawa Kemala menggunakan simbol alam semulajadi seperti angin, sungai, air, gurun, taman dan gemulung laut bukan sekadar sebagai imej estetik, tetapi sebagai representasi *maqam ma'rifah* yang mendalam. Dari perspektif sufistik, setiap simbol ini menjadi cermin jiwa salik yang sedang mencari pengenalan hakiki terhadap diri dan Penciptanya, sebagaimana ditegaskan oleh Imam al-Ghazali (2006) bahawa *ma'rifah* adalah tahap di mana hati menyaksikan kebenaran Ilahi melalui pencerapan batin dan kesatuan dengan ciptaan-Nya.

Namun, apabila puisi-puisi ini diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, proses penterjemahan menimbulkan cabaran besar dalam mempertahankan dimensi sufistik yang tersirat. Contohnya, simbol “angin” yang dalam teks sumber membawa nuansa dialog batin dan bisikan ilham, dalam terjemahan sering kali kehilangan nada emosi dan retorikanya, seperti ungkapan “Ah, pagutannya asyik sekali” yang digugurkan atau dimodulasikan kepada frasa lebih literal tanpa impak spiritual yang sama. Ini menunjukkan bahawa penterjemahan puisi sufi bukan hanya soal pemindahan makna leksikal, tetapi juga penafsiran dan pelestarian lapisan makna rohani yang bersifat hermeneutik.

Di samping itu, simbol “sungai” sebagai lambang perjalanan hidup dan pencarian asal-usul diri, walaupun diterjemahkan secara tepat sebagai النهر, mengalami pergeseran makna pada frasa “hulumu dari gunung apa”, di mana perkataan “hulu” yang bermaksud “permulaan” diterjemahkan secara modulasi kepada تبيع (keluar dari), yang meskipun setara secara konseptual, tidak sepenuhnya mengekalkan nuansa filosofis dan estetika asal. Hal ini menegaskan bahawa penterjemah perlu lebih daripada sekadar menguasai bahasa; beliau perlu menjadi *mufassir* yang mampu mentafsirkan makna batiniah agar mesej sufistik tidak terputus dalam teks sasaran.

Sebaliknya, simbol-simbol yang bersifat universal seperti “air” (ماء) berjaya dipindahkan dengan lebih berkesan kerana nilai simboliknya iaitu kesucian, kesuburan, dan ketenangan jiwa telah diakui dalam kedua-dua budaya Melayu dan Arab-Islam.

Simbol “taman” yang dibahagikan kepada “taman hewani” dan “taman diri” menggambarkan konflik dalaman antara sifat nafsu dan rohani. Dalam terjemahan, frasa “taman hewani” menjadi حديقة الحيوان yang lebih membawa konotasi literal “zoo”, berbanding makna metafora asal yang merujuk kepada hati yang liar dan dipengaruhi hawa nafsu. Ini menunjukkan risiko kehilangan

makna budaya apabila padanan dilakukan secara literal tanpa pertimbangan konteks sufistik.

Secara keseluruhannya, analisis terhadap simbol-simbol alam dalam 'Ayn menunjukkan bahawa *maqam ma'rifah* bukanlah satu titik akhir, tetapi satu perjalanan yang dinamik dari kegelisahan dan pencarian (seperti dalam simbol "gemulung" dan "gurun"), hingga kepada ketenangan dan pengiktirafan mutlak terhadap keesaan Tuhan. Proses penterjemahan, jika dilakukan dengan pemahaman sufistik yang mendalam, bukan sahaja dapat memindahkan makna, tetapi juga menjadi jambatan rohani yang membantu pembaca bahasa sasaran menghayati perjalanan spiritual yang sama.

Jika dikupas dari isu penterjemahan, apabila puisi-puisi ini diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, beberapa isu penting timbul melihat kepada perbezaan budaya, di mana konsep seperti cinta atau jiwa dalam konteks Melayu mungkin mempunyai nada yang berbeza dalam konteks Arab-Islam.

Seterusnya terdapat kekangan linguistik di mana bahasa Melayu yang bersifat fleksibel dan metaforikal sukar ditransformasi secara tepat ke dalam struktur tatabahasa Arab. Tambahan pula bila melibatkan nuansa Sufi, didapati elemen sufistik yang tersirat dalam puisi Melayu mungkin hilang atau menjadi terlalu literal dalam terjemahan.

PENUTUP

Kajian ini telah mengenal pasti dan menganalisis penggunaan simbol alam seperti angin, sungai, air, gurun, taman, dan gemulung laut dalam antologi puisi 'Ayn karya Kemala sebagai representasi maqam ma'rifah, iaitu tahap pengenalan rohaniah terhadap hakikat diri dan keesaan Allah SWT. Simbol-simbol tersebut bukan sekadar sebahagian unsur estetik, tetapi berfungsi sebagai medium sufistik yang menyampaikan perjalanan spiritual seorang sālik dalam usaha mendekati Sang Pencipta. Melalui pendekatan analisis teks kualitatif dan prosedur Analisis Komponen Makna (CAP), kajian ini menelusuri makna literal dan kontekstual kedua-dua teks sumber (bahasa Melayu) dan teks sasaran (bahasa Arab).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun terjemahan bahasa Arab berjaya menyampaikan makna umum puisi, namun terdapat kehilangan nuansa retorik pada sebahagian makna dalam teks sasaran. Dapatan ini adalah berasaskan kedalaman metafora, dan dimensi pengalaman sufistik yang hilang dalam teks sasaran, sedangkan ia adalah teras maqam ma'rifah dalam karya pilihan.

Beberapa isu utama dikenal pasti iaitu, (1) pengguguran ungkapan emosional seperti "*Ah, pagutannya asyik sekali*" yang mengurangkan impak spiritual; (2) pergeseran makna yang mengandungi konotasi, seperti "*taman hewan*" yang diterjemahkan sebagai *ḥadīqat al-ḥayawān* (zoo), sehingga mengaburkan maksud metafora tentang sifat nafsu; serta (3) kelemahan dalam mempertahankan nuansa dinamik simbol seperti "*gemulung laut*", yang dalam terjemahan menjadi sekadar mawjāt al-baḥr tanpa menangkap dimensi ujian rohani.

Dapatan ini menegaskan bahawa penterjemahan teks sufistik bukan semata-mata persoalan kemahiran linguistik, tetapi memerlukan pemahaman mendalam terhadap falsafah tasawuf, konteks budaya, dan sensitiviti hermeneutik. Penterjemah berperanan bukan hanya sebagai pemindah bahasa, tetapi sebagai penafsir makna rohani yang mampu menjaga kesucian dan kedalaman mesej sufistik. Keberhasilan penterjemahan puisi seperti 'Ayn bergantung pada kemampuan untuk menyeimbangkan kesetiaan terhadap bentuk teks sumber dengan kepekaan terhadap jiwa sufistik yang menyelubunginya.

Kesimpulannya, kajian ini memberikan sumbangan penting dalam bidang kritikan sastera Melayu Islam dengan mengintegrasikan perspektif tasawuf dan kajian terjemahan. Ia tidak hanya memperkaya pemahaman terhadap karya Kemala, tetapi juga membuka ruang untuk dialog antara budaya dan antara bahasa dalam pelestarian nilai-nilai spiritual Islam. Diharapkan kajian ini

menjadi asas kepada penyelidikan lanjutan dalam penterjemahan sastera sufistik, khususnya dalam memastikan bahawa makna ma'rifah sebagai jantung pengalaman kerohanian tetap utuh merentasi batas bahasa dan budaya.

RUJUKAN

Abdullah, A. K. (2014). *'Ayn*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Aishah, I., Samah, R., Ahmad, W. A. W., & Yazid, M. (2024). The symbolism of nature in modern Malay Sufist poetry. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(5), 515–534.

Aishah, I., & Samah, R. (2023). The symbolism of Malay Sufist poet Ahmad Kamal Abdullah (KEMALA). *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 32(2), 277–293.

al-Betanuni, Y. (2023). Al-Maqamat wa al-Ahwal 'inda Abdul Rahman al-Lajjaai. *Al-Majallat li Kuliyyah al-Adab*, 52, 240–287.

Al-Ghazali, A. H. (2006). *Minhaj al-Abidin*. Jeddah: Dar al-Minhaj.

al-Ma'ani: <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/>.

al-Tusi, A. N. (1960). *Al-Luma'*. Dar al-Kutub al-Hadithah.

Badrul Munir, C. (2021). Sufism in the poems of Ahmad Kamal Abdullah. *Malay Literature*, 34(1), 89–102. [https://doi.org/10.37052/ml34\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/ml34(1)no5)

Isabela, N. Leli Kh., Maftuh, A., Siti Rihadatul, A., (2025). Konsep Ma'rifah Dalam Tasawuf: Jalan Menuju Makrifatullah. *Jurnal Intelek dan Cendekiawan Nusantara*, 2(2), 621-629. E-ISSN: 3046-4560.

Mas'ud, Q. (2023). Al-Maqāmāt al-Sūfiyyah fī shi'r Aḥmad bin Muṣṭafā al-'Alawī. *Journal Muḥāwārāt fī al-Adab wa al-Naqd*, 3(1), 2–9.

Hoque, M., Rab, M. A. A., Mohamed, Y., & Halim, A. B. A. (2021). Sufism according to Imam Abu Hamid al-Ghazali. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 25(1), 300–313. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol24no2.344>

Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka: <https://prpm.dbp.gov.my>

Sulhah, R. (2024). *Al-Aidiyolojiya fi Tarjamah al-Anasir al-Thaqafiyah al-I'tiqadiyah fi surah al-Baqarah ila al-Lughah al-Injiliziyah: Dirasah Tahliliyah* [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Sains Islam Malaysia.